



Malaysia Juara Pidato Bahasa Melayu



Mohd. Syamsul Salleh (empat dari kanan) bergambar bersama Datuk Seri Najib Tun Razak (tengah) dan Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin (tiga dari kiri).

PUTRAJAYA 6 Mac – Peserta tunggal negara, Mohd. Syamsul Salleh, 21, dari Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila menjadi juara pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Timbalan Perdana Menteri (PABM 2009) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Mohd. Syamsul yang membawakan tajuk pidato Kebejatan Moral Petanda Keruntuhan Tamadun bagi kategori Nusantara membawa pulang piala pusingan, piala iringan dan wang tunai ASS3,000 (RM10,983).

Tempat kedua bagi kategori sama dimenangi Margaretha Chrisnasari, 21, dari Universitas Indonesia dan tempat ketiga pula dimenangi peserta dari Universiti Brunei Darussalam iaitu Kamarudzaman Abdul Jailil, 21.

Hadiah disampaikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Turut hadir Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamad Khaled Nordin dan isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor.

Seramai lima peserta bagi kategori antarabangsa dan tiga untuk kategori nusantara berentap di peringkat akhir PABM yang disiarkan secara langsung oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) dan Internet.

Peserta bagi kategori antarabangsa mewakili Australia, Kemboja, China, Rusia dan Belanda manakala kategori Nusantara pula adalah Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Pertandingan yang bermula 1 Mac yang lalu itu berjaya menampilkan seramai 44 peserta iaitu 34 bagi kategori Antarabangsa dan 10 untuk kategori Nusantara.

Bagi kategori Antarabangsa, tempat pertama dimenangi peserta dari Kemboja, Novacy Sles, 18, yang membawa tajuk pidato Malaysia Gemilang Di Persada Antarabangsa sekaligus membawa pulang wang tunai ASS3,000 (RM10,983).

Tempat kedua dan ketiga dimenangi oleh peserta dari Australia dan Belanda iaitu Ayleen O'Hanlon, 22, dan Shabara Alaydrus, 27, masing-masing membawa tajuk pidato sama iaitu Kecemerlangan Pendidikan Asas Pembangunan Negara.

Pada tahun lalu, Shamsul membawa UPM muncul sebagai johan Pertandingan Pidato Kemerdekaan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Malaysia kategori Bahasa Melayu, johan Pidato Piala Bela Rakan Muda antara IPT anjuran Kementerian Bela dan Sukan dan johan kategori utama Pertandingan Debat DIRaja antara Universiti Awam Malaysia (MADUM).



Novacy Sles (kiri) dan Mohd. Syamsul Salleh (kanan).

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.